



KERATAN AKHBAR

SURAT KHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	16/1/2020	MUKA SURAT	: 53
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Gajah jantan sesat dalam Bandar Penawar

Kota Tinggi: Seekor gajah jantan sesat dikesan berkeliaran di hadapan sekolah dan stadium di Bandar Penawar, dekat sini.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Johor, Salman Saaban, berkata gajah jantan dipercayai dari Hutan Simpan Panti yang terletak 51 kilometer dari Bandar Penawar, tersesat hingga memasuki kawasan bandar, malam kelmarin.

"Siasatan PERHILITAN Johor mengesahkan kejadian seekor gajah jantan berkeliaran malam tadi di hadapan Sekolah Kebangsaan Bandar Penawar dan Stadium Bandar Penawar.

"Tinjauan di lokasi berhampiran mendapati pagar rosak akibat dilanggar gajah di Padang Boling Padang yang terletak bersebelahan stadium, selain kesan di jalan ke Tanah Perkuburan Bandar Penawar.

"Gajah itu dipercayai menuju ke arah Hutan Simpan Sungai Lebam atau Empangan Sungai Lebam, dekat sini sebelum tersesat memasuki Bandar Penawar," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Video seekor gajah yang sedang berjalan di jalan raya di Bandar Penawar, tular di media sosial sejak pagi semalam dan menarik minat pengguna media sosial berikutan kawasan Bandar Penawar terletak agak jauh dari kawasan hutan.